



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 10 (38)
Tarikh : 24 Mac 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG PADA PAKAIAN
SERAGAM MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang pada Pakaian Seragam Murid di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berperanan penting dalam menyemai semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan murid dan warga pendidik. Justeru, suatu usaha daripada peringkat akar umbi hendaklah dilaksanakan secara holistik bagi memastikan semangat ini terus kekal dan subur. Oleh itu, KPM mengambil inisiatif dengan memperkenalkan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Februari 2025 telah meluluskan Garis Panduan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang pada Pakaian Seragam Murid di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PELAKSANAAN

4. Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan rasmi bagi penggunaan, pengayaan dan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid di institusi pendidikan seperti yang berikut:

- 4.1 sekolah kerajaan;
- 4.2 sekolah bantuan kerajaan;
- 4.3 Kolej Matrikulasi; dan
- 4.4 Institusi Pendidikan Guru Malaysia.

Institusi pendidikan selain KPM juga disarankan untuk merujuk garis panduan ini.

5. Garis Panduan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang pada Pakaian Seragam Murid di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah KPM.

6. Surat pekeliling ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI seperti yang berikut:

- 6.1 Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983: Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah bertarikh 9 Mac 1983;
- 6.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1985: Lencana/Logo dan Lagu Sekolah bertarikh 7 Januari 1985;

- 6.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1993: Pakaian Seragam Sekolah bertarikh 3 Jun 1993; dan
- 6.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2007: Garis Panduan Pakaian Kokurikulum di Hari Persekolahan dan Perhimpunan Bulanan Kokurikulum bertarikh 7 Ogos 2007.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai 21 April 2025.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

~~Ketua Penjarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia~~

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG
PADA PAKAIAN SERAGAM MURID
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2025**

KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Latar Belakang	1
2.	Pemakaian	3
3.	Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat Kuasa	4
4.	Peranan dan Tanggungjawab	4
5.	Tatacara Pemakaian Lencana Jalur Gemilang Pada Pakaian Seragam Murid Sekolah	5
6.	Tarikh Kuat Kuasa	7
7.	Penutup	7
8.	Lampiran	8 - 12

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG PADA PAKAIAN SERAGAM MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1.0 Latar Belakang

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berperanan penting dalam menyemai semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan murid dan warga pendidik. Justeru, suatu usaha daripada peringkat akar umbi hendaklah dilaksanakan secara holistik bagi memastikan semangat ini terus kekal dan subur. Oleh itu, KPM mengambil inisiatif dengan memperkenalkan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid.

Jalur Gemilang ialah bendera Malaysia yang mempunyai 14 jalur terdiri daripada 7 jalur merah dan 7 jalur putih yang sama lebar bermula dengan jalur merah di bahagian atas dan berakhir dengan jalur putih di bahagian bawah. Bendera Malaysia telah diisytiharkan dengan nama Jalur Gemilang pada 31 Ogos 1997 sempena sambutan 40 tahun kemerdekaan.

Garis panduan ini diperkenalkan sebagai panduan rasmi bagi penggunaan, penggayaan dan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid di institusi pendidikan bawah KPM.

1.1 Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk:

- 1.1.1** memberikan penjelasan tentang tatacara pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid; dan
- 1.1.2** menjadi rujukan kepada pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), institusi pendidikan, ibu bapa/penjaga dan murid tentang pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid.

1.2 Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini:

1.2.1 Lencana Jalur Gemilang merujuk kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam garis panduan ini. Reka bentuk Jalur Gemilang hendaklah merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994: Pengibaran Bendera Malaysia di Bangunan-bangunan Persekutuan di Seluruh Negara bertarikh 13 April 1994.

1.2.2 Pakaian Seragam merujuk kepada peraturan pakaian seragam murid-murid sekolah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983: Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah bertarikh 9 Mac 1983.

1.3 Objektif

Garis panduan dikeluarkan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

1.3.1 Meningkatkan Semangat Patriotisme: Pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid bertujuan untuk membangkitkan rasa cinta dan bangga terhadap negara dalam kalangan murid. Jalur Gemilang adalah simbol perpaduan dan kemerdekaan. Pemakaian lencana Jalur Gemilang dapat melatih murid untuk menghargai sejarah negara serta menghormati lambang kebanggaan negara.

1.3.2 Memupuk Perpaduan: Lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid juga melambangkan perpaduan antara murid dari pelbagai kaum, budaya dan latar belakang di Malaysia. Sebagai negara yang berbilang bangsa, penggunaan lencana ini mengingatkan murid tentang kepentingan memupuk perpaduan yang dilambangkan melalui elemen-elemen dalam bendera.

1.3.3 Menonjolkan Identiti Kebangsaan: Pakaian seragam murid yang dilengkapi dengan lencana Jalur Gemilang mencerminkan identiti kebangsaan dan dapat menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan murid.

1.3.4 Mewujudkan Sikap Bertanggungjawab dan Berdisiplin:

Pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid juga mendidik tentang sikap bertanggungjawab dan berdisiplin. Lencana ini bukan hanya sekadar hiasan, tetapi simbol penting yang perlu dihormati.

1.3.5 Sebagai Tanda Penghormatan terhadap Negara:

Lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid adalah satu cara untuk menunjukkan simbol penghormatan terhadap negara, yang dilambangkan oleh bendera itu sendiri. Ini adalah satu cara yang mudah dan jelas bagi murid untuk menyatakan kesetiaan mereka kepada negara dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya, seperti kemerdekaan, kedaulatan dan perpaduan.

1.3.6 Memupuk Perasaan Bangga terhadap Negara:

Selain itu, penggunaan lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah juga dapat meningkatkan rasa bangga murid terhadap negara seterusnya menjadi individu yang berjaya pada masa hadapan.

2.0 Pemakaian

2.1 Garis panduan ini terpakai kepada institusi pendidikan seperti yang berikut:

2.1.1 sekolah kerajaan;

2.1.2 sekolah bantuan kerajaan;

2.1.3 Kolej Matrikulasi; dan

2.1.4 Institut Pendidikan Guru Malaysia

2.2 Institusi pendidikan selain KPM disarankan untuk merujuk garis panduan ini.

2.3 Sekiranya terdapat percanggahan antara peruntukan dalam garis panduan ini dengan mana-mana peruntukan dalam garis panduan, surat pekeliling ikhtisas (SPI) atau surat siaran terdahulu yang sedang berkuat kuasa, garis panduan ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

3.0 Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat Kuasa

3.1 Dalam melaksanakan pemakaian lencana Jalur Gemilang, jika berkenaan, garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI seperti yang berikut:

3.1.1 Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983: Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah bertarikh 9 Mac 1983.

3.1.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1985: Lencana/Logo dan Lagu Sekolah bertarikh 7 Januari 1985.

3.1.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1993: Pakaian Seragam Sekolah bertarikh 3 Jun 1993.

3.1.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2007: Garis Panduan Pakaian Kokurikulum di Hari Persekolahan dan Perhimpunan Bulanan Kokurikulum bertarikh 7 Ogos 2007.

4.0 Peranan dan Tanggungjawab

4.1 Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia

KPM menyediakan garis panduan sebagai rujukan kepada semua institusi pendidikan berkaitan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid.

4.2 Peranan Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

Peranan JPN dan PPD berhubung pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid adalah seperti yang berikut:

4.2.1 Pemantauan Garis Panduan: JPN dan PPD memantau garis panduan dan tatacara mengenai pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid sekolah di institusi pendidikan bawah seliaannya.

4.2.2 Pendidikan dan Kesedaran: JPN dan PPD menggalakkan sekolah dalam menganjurkan program pendidikan yang memfokus kepada nilai-nilai kebangsaan termasuk kepentingan lencana Jalur Gemilang sebagai identiti nasional dan penyuburan semangat patriotisme.

4.2.3 Penyeliaan Sumber: JPN dan PPD memastikan bahawa semua institusi pendidikan mempunyai akses kepada lencana Jalur Gemilang yang ditetapkan berdasarkan garis panduan ini.

4.3 Peranan Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pemakaian lencana Jalur Gemilang, terutamanya dalam memupuk rasa cinta dan hormat terhadap negara. Oleh yang demikian, institusi pendidikan perlu memastikan murid memakai lencana Jalur Gemilang mengikut tatacara pemakaian dalam garis panduan yang ditetapkan.

5.0 Tatacara Pemakaian Lencana Jalur Gemilang Pada Pakaian Seragam Murid

Tatacara pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid merupakan perkara penting yang perlu dipatuhi oleh setiap murid. Perkara ini bertujuan untuk memastikan lencana Jalur Gemilang dipakai dengan penuh rasa hormat dan mengikut garis panduan ini. Berikut adalah tatacara pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid:

5.1 Kedudukan Lencana Jalur Gemilang pada Pakaian Seragam Murid

Lencana Jalur Gemilang hendaklah dipakai pada bahagian kanan dada selari dengan kedudukan tanda nama murid (rujuk lampiran). Lencana ini harus dipakai secara seragam oleh semua murid bagi menunjukkan kesamarataan dan kebersamaan serta kebanggaan terhadap negara.

5.2 Jenis Pakaian

Lencana Jalur Gemilang dipakai pada pakaian seragam murid seperti yang berikut:

5.2.1 baju prasekolah

5.2.2 baju kemeja

5.2.3 baju kurung

5.2.4 *pinafore tunic*

5.2.5 tudung

5.2.6 baju Melayu

- 5.2.7 pakaian sukan
- 5.2.8 pakaian batik
- 5.2.9 pakaian seragam unit beruniform
- 5.2.10 pakaian seragam khas
- 5.2.11 baju korporat kolej vokasional

5.3 Pemakaian Lencana Jalur Gemilang

Lencana Jalur Gemilang harus dipakai dengan kemas, bersih dan tidak rosak. Lencana Jalur Gemilang yang telah pudar atau rosak perlu diganti dengan lencana yang baharu. Hal ini bagi memastikan lencana Jalur Gemilang dipertahankan dalam keadaan baik.

5.4 Peraturan Pemakaian

Pemakaian lencana Jalur Gemilang ini adalah untuk menunjukkan rasa hormat terhadap negara dan Jalur Gemilang. Oleh itu, lencana Jalur Gemilang tidak boleh dipakai sewenang-wenangnya atau diletakkan pada pakaian yang tidak sesuai. Murid juga tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada lencana, seperti mengubah kedudukan, saiz, bentuk atau warnanya.

5.5 Etika Pemakaian

5.5.1 Kemas dan Sopan: Pemakaian lencana Jalur Gemilang mesti dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan tidak boleh dipakai dalam keadaan kotor, rosak atau tidak terurus.

5.5.2 Tidak Dilekatkan pada Pakaian Lain: Lencana Jalur Gemilang tidak boleh digabungkan dengan aksesori lain atau dihias dengan cara yang boleh menjejaskan maruah simbol kebangsaan tersebut.

5.6 Penjagaan Lencana Jalur Gemilang

Lencana Jalur Gemilang harus dijaga dengan baik, sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak lusuh. Jika lencana Jalur Gemilang telah rosak atau hilang, murid perlu menggantikannya dengan lencana Jalur Gemilang yang baharu.


6.0 Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta mulai 21 April 2025.

7.0 Penutup







KPM sentiasa komited dalam memupuk semangat patriotisme dalam diri semua warga KPM khususnya murid. Inisiatif ini juga diharap dapat mewujudkan pengetahuan dan kecintaan terhadap negara Malaysia dalam jiwa generasi muda kini. Oleh itu, Garis Panduan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang pada Pakaian Seragam Murid di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini diharap dapat menjadi panduan dalam keseragaman pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi pelaksanaan di institusi pendidikan.

Spesifikasi Lencana Jalur Gemilang



a. Ukuran: **5 cm panjang : 2.5 cm lebar**


b. Kod warna yang digunakan:

Warna Asas	Warna Berdasarkan <i>Pantone Matching System (PMS)</i>
 C:100 M:100	 199
 M:100 Y:100	 2768
 Y:100	 108

c. Material: **Plastik, *top epoxy emboss***
Kualiti: **Plastik ABS dan plat keluli**







LENCANA JALUR GEMILANG



**LENCANA KOLEJ
VOKASIONAL**

Gambar Rajah : Kedudukan lencana Jalur Gemilang pada baju korporat murid Kolej Vokasional

LENCANA JALUR GEMILANG



LENCANA KOLEJ VOKASIONAL

Gambar Rajah : Kedudukan lencana Jalur Gemilang pada baju korporat Kolej Vokasional